

Rujukan Kami (*Our Ref*) : UMP.03.01/10.10 (05)  
Tarikh : 13/6/2022

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YH. Prof. Dato'/YBhg. Prof./Prof. Madya./Dr./Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN E-FORM PEMBAYARAN

Perkara di atas serta surat kami nombor rujukan UMP.03.01/10.12/3 (28) bertarikh 29 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Jabatan Bendahari akan melaksanakan penggunaan **E-FORM PEMBAYARAN berkuatkuasa pada 15 Jun 2022**. Pelaksanaan ini adalah kesinambungan bagi pembangunan sistem kewangan Jabatan Bendahari yang mana pelaksanaan E-Form Perolehan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2020.

3. Taklimat berkaitan e-form pembayaran telah diadakan pada 03 Jun 2022 yang dihadiri oleh semua Eksekutif, wakil kewangan PTJ dan Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) yang melaksanakan tugas kewangan bagi memperkenalkan elemen e-form pembayaran. E-form Pembayaran ini boleh diisi secara atas talian melalui eCommunity yang terdiri kepada 4 sub modul iaitu vendor, pembayaran balik staf, pembayaran berkala dan pembayaran pukal, proses kerja e-form ini boleh dirujuk melalui manual pengguna yang disertakan. Permohonan ini perlu diluluskan oleh Ketua Jabatan sebelum dihantar ke Jabatan Bendahari.


4. Mohon kerjasama semua ketua jabatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memanjangkan perkara ini kepada semua staf di fakulti/jabatan. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Encik Mohd Tarmizi bin Bakar di talian 09-4316126.

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YH.Prof.Dato'/YBhg.Prof./Prof. Madya./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
*“Teknologi Untuk Masyarakat”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Universiti Malaysia Pahang

...1/7

ZO/AI/Surat Edaran/Folder surat-menyurat